

B 8630 DEB
MAHATHIR - TENDER R R R
1985

KULIM, 19 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU AHLI-AHLI POLITIK SUPAYA JANGAN CAMPURTANGAN DALAM SOAL-SOAL PENTADBIRAN SEPERTI PEMBERIAN TENDER.

KATANYA, URUSAN PEMBERIAN TENDER DAN PENTADBIRAN HENDAKLAH DISERAHKAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG DITUGASKAN MENJALANKAN PENTADBIRAN DENGAN LICIN DAN SEMPURNA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KULIM/BANDAR BARU DI SERDANG, 28 KM DARI SINI.

KATANYA, PERANAN AHLI-AHLI PARTI POLITIK YANG MEMERINTAH IALAH UNTUK MENENTUKAN PERJALANAN DASAR KERAJAAN DENGAN LICIN DAN MEREKA TIDAK HARUS MENCAMPURI SOAL-SOAL PENTADBIRAN KERANA ITU AKAN MENIMBULKAN KUCAR-KACIR DALAM PENTADBIRAN KERAJAAN.

BAGAIMANAPUN JELAS DATUK SERI DR. MAHATHIR, AHLI-AHLI POLITIK YANG TERTENTU SEPERTI PERDANA MENTERI, MENTERI-MENTERI KABINET, MENTERI-MENTERI BESAR, KETUA-KETUA MENTERI DAN ANGGOTA-ANGGOTA EXCO BOLEHLAH MEMAIN PERANAN DI BAWAH PORTFOLIO MASING-MASING KERANA MEREKA SEBAGAI PENJAGA DASAR KERAJAAN. -- LAGI.

1555MST 19 07 85

MAHATHIR - TENDER 2 KULIM R R R

MENYENTUH PERANAN ANGGOTA UMNO, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENASIHATI MEREKA SUPAYA MENGUKUHKAN KEDUDUKAN PARTI KERANA UMNO MERUPAKAN TULANG BELAKANG KERAJAAN BARISAN NASIONAL.

KATANYA, TUJUAN MENGUKUHKAN UMNO BUKANLAH SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN PARA ANGGOTA TETAPI UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN SEMUA RAKYAT TANPA MENGIRA KAUM DAN KETURUNAN KERANA MELALUI KERAJAAN YANG KUAT SAHAJALAH RAKYAT DAPAT MENIKMATI HIDUP YANG LEBIH SELESA.

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT MALAYSIA ADALAH BERTUAH KERANA DAPAT HIDUP DENGAN AMAN DAN DAMAI KERANA UMNO TERUS MENGAMALKAN SISTEM PEMERINTAHAN DEMOKRASI DI NEGARA INI DAN TIDAK BERJUANG UNTUK SEGOLONGAN ORANG SAHAJA.

KATANYA, DI NEGARA-NEGARA LAIN WALAUPUN MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI PERGADUHAN KAUM TERUS BERLAKU KERANA PERLAKSANAAN SISTEM DEMOKRASI DI NEGARA BERKENAAN MEMENTINGKAN SESUATU GOLONGAN SAHAJA.

PERDANA MENTERI MEMUJI UMNO BAHAGIAN KULIM/BANDAR BARU DI BAWAH PIMPINAN TIMBALAN MENTERI LUAR ENCIK ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR YANG BERJALAN DENGAN CERGAS TANPA APA-APA KEKECOHAN. -- LAGI.

1558MST 19 07 85

MAHATHIR - TENDER 3 KULIM R R R

BELIAU BANGGA MELIHAT BERIBU-RIBU ORANG PENDUDUK DARI SEMUA KAUM TURUT KELUAR MENYAMBUK BELIAU DAN ISTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH HARI INI.

KATANYA, INI MENUNJUKKAN BAHAWA PIMPINAN UMNO KULIM/BANDAR BARU MENDAPAT SOKONGAN SEMUA RAKYAT DAN IA PERLU DICONTOKI OLEH BAHAGIAN-BAHAGIAN LAIN. -- BERNAMA.

1559MST 19 07 85